

# Badan khas kaji hudud

SH - 4 JAN 1991

NILAM PURI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menubuhkan sebuah badan membabitkan orang Islam yang pakar dalam agama, hukum hakam dan jenayah bagi mengkaji secara teliti undang-undang Pas Kelantan.

Menurut Perdana Menteri, mereka yang menganggotai badan itu adalah orang yang tidak mempunyai sebarang kepentingan, selain pegangan kepada agama Islam.

Beliau berkata, mereka juga perlu memiliki kepakaran agama Islam, agama lain dan bidang jenayah serta undang-undang sivil dan jenayah.

Anggota badan itu juga, katanya, perlu mengam- bil kira keadaan semasa

yang mempengaruhi amalan dan pelaksanaan ajaran, ibadat dan hukum Islam.

"Kerajaan Malaysia sebagai kerajaan yang bertanggungjawab terhadap agama dan umat Islam di Malaysia akan mengambil tindakan menubuhkan badan itu.

"Sementara itu, undang-undang Pas tidak boleh diterima atau dilaksanakan oleh sesiapa kerana ia masih bukan undang-undang Islam dan bukan undang-undang negara," katanya ketika berucap di perjumpaan bersama rakyat Kelantan, di Pusat Bahasa Arab, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, undang-undang Pas Kelantan setakat ini tidak boleh diterima dan harus

ditolak kerana tidak se- rasi dengan maqasid al- syariah (tujuan syariah).

Menurutnya, hasil ka- jian yang dijalankan, adalah jelas undang- undang Pas Kelantan tidak menepati sepe- nuhnya undang-undang, semangat dan sifat yang ada pada agama Islam.

"Ini tidak bermakna kita menolak hukum hu- dud. Kita hanya menolak tafsiran dan undang- undang Pas Kelantan yang tidak serasi dengan maqasid al-syariah.

"Penolakan sesuatu yang salah adalah wajib jika kita berpegang ke- pada ajaran Islam," ka- tanya.

Dalam ucapan 19 muka surat itu, Dr Mahathir yang juga Ketua Per- hubungan Umno Kelan- tan menyentuh secara

panjang lebar dan me- nyeluruh mengenai ca- dangan Kerajaan Pas Kelantan melaksanakan undang-undangnya.

Sebelum ini, Kerajaan Kelantan meluluskan Kanun Jenayah Syariah (11) 1993 itu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada 25 No- vember lalu bagi mem- bolehkan hukum hudud itu dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata, undang-undang Pas itu perlu dikaji sebelum ia boleh diterima atau di- tolak oleh sebuah ke- rajaan yang ingin me- nerapkan nilai-nilai Is- lam seperti Barisan Na- sional (BN).

"Sudah tentu kerajaan tidak boleh membela- kangkan dengan sewe- nang-wenangny undang- undang yang didakwa

berpunca daripada aja- ran Islam," katanya.

Menurutnya, kajian yang akan dibuat oleh Kerajaan Pusat terhadap undang-undang Pas ter- tumpu kepada semua aspek yang penting da- lam Islam.

"Perkara yang akan dipersoalkan ialah apa- kah undang-undang Pas itu dengan hukum hu- dud itu menepati dan mencapai maksud serta matlamat hukum hudud dalam Islam.

"Soal yang kedua ia- lah apakah undang-un- dang Pas akan men- jamin keadilan bagi mereka yang akan di- dakwa. Hukum hudud bukan menekan kebe- ratan hukum dalam Is- lam, tetapi sebaliknya untuk keadilan," ka- tanya.